

100 *Pesan Tun*

MEMBINA KELUARGA DAN BANGSA

Tun Dr. Mahathir Mohamad




01 Pesan Sikap dan Kepimpinan



Perdana Library,

TU
1/6/25
TC

Jemputan PLC akan
tensu berdimensi sehingga
mampu membina tamadun
bangsa ini


Putrajaya 18/12/25.



~~En Adnan~~ Perdana Library -
pejuangan kita belum selesai.

[Signature]
017-6912042 3/7/25 yep.

100 Pesan Tun

MEMBINA KELUARGA DAN BANGSA
Tun Dr. Mahathir Mohamad

01 Pesan Sikap
dan Kepimpinan





100 *Pesan Tun*

MEMBINA KELUARGA DAN BANGSA
Tun Dr. Mahathir Mohamad

01 Pesan Sikap dan Kepimpinan



1013902

ILHAM BOOKS
Kuala Lumpur
2025



**100 PESAN TUN: MEMBINA KELUARGA DAN BANGSA
JILID SATU: PESAN SIKAP DAN KEPIMPINAN**

Hak Cipta Terpelihara @ MindHeart Mastery, 2025
Hak Cipta Penerbitan @ ILHAM Books, 2025

Terbitan Pertama, 2025

ILHAM BOOKS (002683798-H)
No. 94(G), Jalan Nilai Square 3
Nilai Square, 71800 Nilai
Negeri Sembilan, MALAYSIA

Facebook: www.facebook.com/ilhambooks
Email: admin@ilhambooks.com
Website: www.ilhambooks.com
Hotline/WhatsApp: +6011-1060 1403

Hak Cipta Terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hakcipta terlebih dahulu.



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia
ISBN 978-967-0067-35-3 (hardback)

Dicetak oleh: Percetakan Mesbah Sdn. Bhd. (819193-K)
No. 11, Jalan Tun Perak 6,
Taman Tun Perak,
43200 Cheras, Selangor

Rm115.00

658.4092

KANDUNGAN

Kata Pengantar Tun Dr. Mahathir Mohamad	vii
Dari Meja Penulis 1 - Syed Abd Aziz Al-Qubro	ix
Dari Meja Penulis 2 - Muniraa Abu Bakar	xi
Dari Meja Editor - Ustaz Angah Sunan	xvii
Dari Meja Presiden - Perjuangan Tidak Pernah Selesai	xix
Bab 1 Muqaddimah	21
Bab 2 Simbiosis Pemikiran dan Kepimpinan	25
Bab 3 Perihal Kepimpinan	43
Bab 4 Perihal Sikap dan Pemikiran	145
Bab 5 Penutup	257



DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD

KATA PENGANTAR BUKU “100 PESAN TUN”: MEMBINA KELUARGA DAN BANGSA

Saya ucap tahniah kepada Pertubuhan Negarawati Tanahair di atas penerbitan buku “100 Pesan Tun” – Membina Keluarga dan Bangsa.

Terima kasih juga atas usaha untuk mengumpul, dan membukukan pesan serta nasihat dan pandangan saya, yang saya harap sedikit sebanyak dapat dimanfaatkan.

Membina keluarga dan bangsa, dalam konteks pembentukan masyarakat sesebuah negara membawa maksud yang besar.

Kemajuan sesuatu negara bergantung kepada nilai-nilai yang dipegang oleh masyarakat atau rakyatnya.

Demikian kita lihat bagaimana Jepun dapat bangun dalam masa yang pendek kerana nilai-nilai tinggi dan mulia yang dipegang oleh mereka.

Jika kita ingin bina negara bangsa yang maju, masyarakat yang mampu berdaya saing maka kita juga harus berusaha memupuk nilai-nilai murni dan moral yang tinggi.

Dan ini harus bermula dengan keluarga. Keluarga adalah asas kepada masyarakat Malaysia. Memperkukuh institusi keluarga penting kerana keluarga adalah tempat pertama anak-anak belajar mengenali dunia.

Suasana harmoni dan pendidikan permulaan yang baik di rumah akan melahirkan insan yang berakhlak mulia dan bertanggungjawab. Keluarga yang mementingkan pendidikan akan melahirkan generasi yang berilmu.

Di samping Pendidikan, tidak kurang penting pembentukan jati diri melalui bahasa, budaya, dan adat resam bagi memperkukuhkan identiti bangsa.

Saya harap buku ini dapat dijadikan panduan, inspirasi dan kesedaran kepada pembaca, tentang peranan kita masing-masing dalam usaha membentuk masa depan bangsa dan negara yang lebih maju melalui institusi keluarga yang kukuh.

Tahniah sekali lagi kepada Pertubuhan Negarawati Tanahair di atas usaha ini. Semoga ianya akan memberi manfaat.



DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
21 April 2025

No. 1, Jalan P3H, Presint 8, 62250 PUTRAJAYA
Tel : 603-8885 8900 Fax : 603-8839 1114





DARI MEJA PENULIS 1

Selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW, yang telah memberi petunjuk jalan yang benar, terhindar dari jalan kegelapan dan kesesatan. Rasulullah sebagai penutup kepada semua nabi dan rasul yang mengeluarkan manusia daripada kegelapan, penyembahan ciptaan sendiri, kembali kepada pengabdian yang tulus kepada Allah SWT. Baginda menyempurnakan tugas sebagai utusan terakhir, membina tamadun terhebat dan menjadi sosok paling berpengaruh hingga hari kiamat yang akhirnya saksi kepada seluruh manusia di mahsyar kelak.

Sesungguhnya, 100 pesan Tun Dr. Mahathir ini adalah satu amanah yang besar dan berat yang dipikulkan ke pundak kami untuk dituntaskan dalam waktu yang amat singkat. Namun, mengenangkan peri-pentingnya sebuah pesan dan amanah sebesar 100 pesan Tun Dr. Mahathir. Warkah ini wajib sampai kepada seluruh pelusuk dunia sebagai cemeti, memberi peringatan tentang bahaya yang sedang membadaai umat Melayu Islam, dengan izin Allah SWT kami persembahkan seadanya. Tiada lah kami memiliki apa-apa pengetahuan melainkan apa yang diizinkan oleh Allah SWT. Kami sandarkan semua yang tertulis disini kepada semua guru-guru kami yang telah menyampaikan ilmu mereka dengan pelbagai cara sehingga Allah SWT mengizinkan kami untuk menyiapkan buku *100 Pesan Tun* ini.

Harapan kami, biarlah buku ini menjadi sumbu pelita menerangi pemikiran manusia yang semakin tenggelam dalam lumpur kegelapan daripada roh *rabbani* dan penuh ketaksuban diri menyangka diri mereka memiliki segala kepandaian dan kecerdikan. Pengkeldaian manusia dengan segala ocehan, omongan dan pencitraan oleh pemimpin-pemimpin hari ini persis Firaun

di zamannya menduduki takhta dengan sihir dan mentera diatas pembodohan rakyatnya sendiri. Umpama jahilnya Arab Quraisy di zaman Nabi SAW dengan segala sembahsan berhala fizikal mahupun berhala ideologi yang telah menghancurkan kemurnian dan keaslian manusia daripada sebaik-baik makhluk ciptaan menjadi sejahat-jahat binatang buas yang sanggup membunuh dan menanam anak perempuan mereka hidup-hidup.

Hasrat kami, semoga buku *100 Pesan Tun* ini menjadi 'power-bank' untuk 'recharge' kembali pusat tenaga sentrifugal manusia dan bangsa Melayu yang telah dimatikan oleh segala pengkeldaian pemikiran dan pendunguan pemikiran oleh pemimpin-pemimpin manusia hari ini yang bertopeng biri-biri namun hatinya adalah serigala. Harapan kami buku ini dapat mengutip kembali serpihan sifat *rabbani* yang telah dibuang dan dihancurkan dengan sejuta alasan oleh pemimpin yang berdoktrin iblis dan bersifat haiwan agar manusia boleh dikeldaikan demi kepentingan nafsu duniawi.

Tiada perkataan yang tepat untuk menggambarkan terima kasih saya kepada semua yang terlibat, tidak terungkap nama-nama mereka, hanya jauhari yang mengenal manikam, anda tahu anda yang kami maksudkan. Dengan segala kemudahan, sokongan, dukungan dan sumbangan agar penulisan buku ini menjadi kenyataan. Anda adalah sebahagian dari perjalanan kami. Anda adalah mata rantai diantara rantaian panjang bangsa dan umat ini. Semoga usaha kecil ini menjadi pemangkin kepada revolusi percambahan segala asas substansi manusia untuk memaknai proses mencipta, mencari dan membina kebahagiaan sejati, ketamadunan *rabbani* dan kepimpinan Ilahi di bawah kolong langit Semenanjung Swarnabumi ini.

Besar harapan kami, buku *100 Pesan Tun* ini akan melahirkan generasi melayu baharu yang bakal memimpin dengan ketauhidan sebenar, mencorakkan akal fikir bangsa Melayu Islam sehingga mampu melahirkan kembali "Enrique de Malacca" atau "Sandoakan La tigre della Malesia". Akhirnya kita berjaya memartabatkan kembali legasi kepimpinan dengan roh *rabbani* di bumi Swarnabumi ini.

SYED ABD AZIZ AL-QUBRO



DARI MEJA PENULIS 2

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad adalah satu-satunya pemimpin ulung dilahirkan Malaysia dan disegani pelbagai lapisan masyarakat di segenap pelusuk dunia. Beliau telah menjalankan amanah sebagai Perdana Menteri Malaysia paling lama dan sebanyak dua kali (Julai 1981-Oktober 2023) dan (Mei 2018-Februari 2020). Lahir dan membesar dalam era penjajahan British dan Jepun yang menindas pribumi Tanah Melayu sehinggalah nasib bangsanya terus tidak terbela dengan selayaknya hingga zaman pasca Merdeka 1957. Tun tampil kedepan untuk menegur sistem kerajaan yang tidak membela dan mengangkat martabat bangsa dan agama seolah-olah orang melayu tidak pernah merdeka di tanah air sendiri. Pelbagai rintangan dan cabaran dihadapinya dalam perjuangan beliau sehingga dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia yang keempat. Beliau tidak menunggu lama untuk membetulkan pelbagai perkara untuk memasyhurkan Malaysia sebagai negara maju dan berdaya saing di peringkat global.

Bahkan, selain gelaran Bapa Pemodenan Malaysia, beliau juga dianggap sebagai reformis sebenar yang menjulang Malaysia dan berjaya menyatukan negara dunia ketiga serta negara-negara membangun sebagai satu suara yang utuh dan didengari negara kuasa dunia. Beliau juga menjadi watak penting dalam membantu membangun dan menjadi suara kepada negara Islam yang tertindas seperti Bosnia dan Kosovo. Beliau cukup lantang menentang penjajahan barat dan proksi mereka keatas negara Islam terutama kependudukan Israel keatas tanah Palestin. Kritikan berterusan beliau keatas kuasa besar terutama negara barat selain usaha menyatukan negara Islam dilihat menggugat kuasa barat yang selama ini selesa memecah belah dan menindas negara Islam



serta negara membangun. Pelbagai label diletak kepada Tun Dr. Mahathir, antaranya *antisemitist*, *draconian leader* dan *authoritarian leader* yang turut menjerat dan mempengaruhi sebahagian warga Malaysia membenci pemerintahannya.

Selepas mengharungi tahun-tahun gemilang Malaysia kearah pemodenan, kemuncak tekanan kuasa asing kepada Malaysia ialah pada 1998 dimana serangan ekonomi keatas negara-negara Asia terutama rantau Asia Tenggara mengheret Malaysia kepada kegawatan ekonomi yang teruk, menjurus kepada krisis kepimpinan antara Tun dan timbalannya Anwar Ibrahim. Pergolakan ini antara cabaran terbesar Tun dalam kepimpinannya. Sebahagian besar orang Melayu Islam cenderung untuk menyokong Anwar Ibrahim dan telah bergabung tenaga dengan parti-parti pembangkang untuk menentang Tun Dr. Mahathir. Pelbagai tohmahan dilempar kepada Tun antaranya diktator, autokratik, liberal, sekular, mahazalim dan mahafiraun. Tuduhan-tuduhan ini jelas tidak bersandar kepada fakta dan rujukan sebenar kepada asbab tindakan dan kata-kata Tun dalam memperjuangkan kebenaran dari kaca mata beliau.

Sebagai orang yang lahir dan membesar di zaman kegemilangan Tun dan pemodenan Malaysia, saya seharusnya rasa bertuah. Namun lumrah manusia yang sukar melihat kebaikan untuk disyukuri berbanding mempersoal kekurangan dan menuntut perkara yang tidak ada untuk dirungutkan. Pemikiran yang terbentuk ketika itu ialah negara ini mesti bangkit mengikut contoh dan panduan negara maju dari barat tanpa mengakui itu adalah acuan barat sebagai sebahagian orde baru dunia. Menentang kerajaan dan menjatuhkan pemimpin itu dianggap *cool* dan digelar pejuang dalam kalangan anak muda. Perjuangan akan hak asasi manusia dan pemberdayaan wanita mengikut acuan barat itu perlu ditegakkan tanpa menyedari kesan dan akibat daripada perjuangan tersebut yang akhirnya meruntuh nilai moral dan mengetepikan perintah agama dalam membina negara bangsa yang berdaulat dan terhindar daripada anasir yang merosak aqidah.

Firman Allah SWT,

أَوَلَمْ نُعَمِّرْكُم مَّا يَتَذَكَّرُ فِيهِ مَن تَذَكَّرَ وَجَاءَكُمُ النَّذِيرُ
فَذُوقُوا فَمَا لِلظَّالِمِينَ مِن نَّصِيرٍ

Apakah Kami tidak memanjangkan umurmu dalam tempoh yang cukup untuk berfikir bagi orang-orang yang mahu berfikir, dan (apakah tidak) datang kepadamu pemberi peringatan?

(Al-Fathir: 37)

Menurut Ibnu Abbas, Hasan al-Basri, dan beberapa ulama lain menafsirkan ayat “umur panjang dalam tempoh yang cukup untuk berfikir” sebagai memasuki umur 40 . Usia 40 tahun adalah usia matang untuk kita bersungguh-sungguh dalam kehidupan untuk melakukan perubahan, seusai mengumpul pengalaman, menajamkan hikmah dan kebijaksanaan, membuang kejahilan ketika usia muda, lebih berhati-hati, melihat sesuatu dengan hikmah dan penuh penelitian.

Justeru, saya amat bersyukur dilorongkan rezeki untuk mendekati, mendengar, meneliti dan menilai pendapat dan nasihat Tun Dr. Mahathir untuk mencari kebenaran dan hikmah daripada perjuangannya. Pastinya, seorang yang berjiwa besar, berfikiran jauh, berjaya membawa kemajuan buat negara, disanjung negara maju seperti Jepun dan Korea, dicemburui negara-negara Islam, dihormati dan diidolakan warga negara mundur dan membangun di Afrika dan rantau Balkan, punyai buah fikiran yang melangkaui akal sebahagian besar kita. Menjadi seorang pemimpin negara kecil dan sedang membangun tetapi lantang menegur dan mengambil tindakan drastik seperti ‘Operasi Serangan Subuh’ untuk menyelamatkan tanah dan hasil bumi milik kita daripada cengkaman kapitalis London, kempen ‘Buy British Last’ yang menyentak Perdana Menteri Britain ketika itu untuk mencari dan berunding dengan Tun Dr. Mahathir, antara beberapa bukti Tun bukanlah seorang yang ‘kosong’. Setiap kata dan tindakannya, sudah pasti ada sandaran kuat dalam akal dan hatinya untuk berjuang demi agama, bangsa dan negara.





DARI MEJA EDITOR

الحمد لله الذي أرسل رسوله بالهدى ودين الحق ليظهره على دينه كله ونصلي
ونسلم على سيدنا ومولانا رسول الله المبعوث رحمة للعالمين وعلى آله وأصحابه
ومن تبعهم بإحسان إلى يوم الدين

Segala puji bagi Allah SWT yang memudahkan pena bergerak dan fikiran mencurah menjadi tulisan-tulisan yang akhirnya dibukukan. Buku yang berada di tangan pembaca ini lahir daripada hasrat yang ikhlas oleh penulis untuk memberi teguran khususnya kepada bangsa Melayu. Buku ini merupakan petikan pesanan-pesanan Tun Dr. Mahathir Mohamad, negarawan ulung Malaysia, kemudian penulis mengupas dan menghuraikan agar pesanan tersebut benar-benar sampai dan memberi keinsafan kepada para pembaca.

Sebagai editor, saya memandang buku bukan hanya sebagai bahan bacaan tetapi instrumen kesedaran bagi orang Melayu yang kian hanyut dan merasa selesa di tanah air sendiri meskipun hakikatnya kita sudah hampir hilang kekayaan dan pemilikan sebagai tuan rumah. Kita ketinggalan dalam penguasaan bidang sains dan teknologi, ekonomi, perniagaan dan termasuk tanah. Hanya yang tinggal kini adalah sedikit kuasa politik. Sebenarnya, orang Melayu tidak lemah. Aset orang Melayu adalah berpegang teguh kepada Islam, populasi, diplomasi dan bijak pandai. Malangnya, sebahagian besar orang Melayu terkena sihir pemikiran penjajah. Sepatutnya sebagai tuan rumah kepada Tanah Melayu, mereka lebih rajin dan gigih memakmurkan akan tetapi sebaliknya selesa berfikir sebagai 'tuan' yang disuap, dikhidmati, disubsidikan bukan bersifat 'tuan' yang merintis kemajuan dan kebangkitan.

Sesuatu bangsa itu akan kekal relevan dan barakah apabila mempunyai pegangan kukuh dengan agama, menguasai ekonomi,



mencintai ilmu pengetahuan dan membina generasi pelapis untuk mengisi kepimpinan akan datang. Hanya bercita-cita menjadi orang baik sahaja tidak memadai, kerana tanpa kuasa, kita boleh kehilangan negara atau menjadi golongan yang lama-kelamaan hilang hak ketika menikmati secangkir kopi.

Semoga buku ini dapat menjadi lisan Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam menyampaikan pesanan-pesanan kritikal kepada bangsanya. Semoga Allah SWT membalas ganjaran Jannah kepada semua yang terlibat dalam menjayakan projek buku ini. Akhir kalam, saya menyerahkan buku ini kepada pembaca yang Budiman dengan harapan, buku ini tidak hanya dibaca dengan mata tetapi dengan hati yang sedia menerima teguran.

USTAZ ANGAH SUNAN

Negarawati

TANAH AIR



Pertubuhan Negarawati Tanahair ialah sebuah gerakan wanita berwawasan yang bertekad memperjuangkan kesatuan dan kebangkitan bangsa Melayu melalui pendekatan intelektual, budaya dan pemerikasaan ekonomi. Berteraskan nilai agama, bangsa dan tanah air, Negarawati menggalas tanggungjawab untuk mencelikkan kembali jatidiri anak bangsa, memperkukuh ekonomi, serta membebaskan masyarakat daripada belenggu sistem yang melemahkan. Sebagai penyambung legasi perjuangan tokoh-tokoh bangsa, khususnya YABhg Tun Dr. Mahathir Mohamad, pertubuhan ini berfungsi sebagai pemangkin kesedaran akar umbi, platform penyatuan rentas fahaman, dan suara wanita yang bangkit demi memartabatkan maruah bangsa dan mempertahankan kedaulatan tanah air.

Visi Negarawati

Membangunkan sebuah masyarakat Melayu yang bersatu, berdaya saing, dan dihormati di peringkat global; yang menguasai politik, memajukan ekonomi, dan memartabatkan budaya, serta dipandu oleh nilai integriti, perpaduan dan matlamat yang jelas.

Misi Negarawati

Memberi Kesedaran Asas Kedaulatan Negara dan Identiti Bangsa

Memartabatkan bangsa dan identiti orang melayu berdasarkan teras tauhid melalui pemerikasaan fikiran dan pendidikan.

Memperjuangkan kesatuan bangsa Melayu melangkaui fahaman dan parti politik


Memperkasa pemilikan tanah, ekonomi, dan kepimpinan berteraskan nilai agama, bangsa dan negara – demi kelangsungan masa depan yang berdaulat dan bermaruah.

Memperkasa ekonomi

Memperkasa dan menyokong Ekonomi Komuniti melalui pemantapan kemahiran dan perluasan rangkaian keusahawanan.

Melahirkan generasi Negarawati

Membina generasi wanita yang berdaya saing dan berkebolehan, serta berperanan aktif dalam mendokong objektif dan nilai negarawati dalam pembinaan budaya bangsa dan tamadun Islam.



Dari Meja Presiden,
Perjuangan Tidak Pernah Selesai

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, usaha Pertubuhan Negarawati Tanahair untuk mengangkat pesanan YABhg Tun Dr Mahathir Mohamad telah berjaya direalisasikan melalui kerjasama dengan MindHeart Mastery. Setinggi-tinggi penghargaan kepada MindHeart Mastery atas kejayaan menerbitkan buku 100 Pesan Tun, yang merangkum panduan penting tentang sikap, pemikiran, agama, kekeluargaan dan kesihatan.

Meski kita telah lama merdeka, bangsa Melayu masih belum menikmati erti kemerdekaan sebenar. Kita terus diasak oleh bentuk penjajahan baharu yang melemahkan jati diri, ekonomi dan pemikiran kita. Justeru, Negarawati berikrar untuk menjadi penyambung legasi perjuangan melalui intelektual dan budaya agar bangsa ini bebas daripada belenggu sistem yang membantut masa depan.

Pertubuhan Negarawati Tanahair tampil sebagai wahana unggul yang menjulang semangat perpaduan, keprihatinan dan iltizam dalam mencorak masa depan negara. Sebagai pemangkin dinamik, Negarawati memperkasa suara, aspirasi dan peranan wanita dalam menangani pelbagai isu strategik yang memberi impak langsung kepada institusi keluarga, masyarakat dan arah tuju negara. Pendekatan kami merentasi spektrum sosial, ekonomi, kepimpinan, pendidikan, alam sekitar dan kenegaraan secara menyeluruh dan berwibawa. Kami komited memperkasa wanita muda sebagai perantis, duta dan agen perubahan membina keluarga dan bangsa yang teguh, berdaya tahan dan dipandu nilai.

Kami percaya bahawa wanita adalah pendidik terbaik dalam melahirkan generasi pemimpin masa depan dengan penghayatan nilai, prinsip, dan sahsiah yang menjadi manifestasi kepada kekuatan institusi keluarga dan masyarakat. Justeru, kami berpegang teguh bahawa formula emas untuk membina peradaban bermula dengan keteguhan ketauhidan, keunggulan akhlak, dan pemantapan keilmuan. Tiga asas ini merupakan tiang seri yang membentuk keperibadian individu dan tunjang kepada pembentukan masyarakat yang sejahtera.

Buku ini menjadi titik mula mencelikkan kembali anak bangsa tentang asal usul dan kekuatan sebenar mereka. Semoga segala usaha ini diberkati Allah SWT dan memberi manfaat kepada agama, bangsa dan negar. Terima kasih atas sokongan semua pihak yang menayakan inisiatif ini.

Wassalam.
Hjh Bibi Sunita bt Hj Sakandar Khan
Pengerusi
Pertubuhan Negarawati Tanahair





Bab 1

MUQADDIMAH



Sesungguhnya, aset dan kekayaan yang paling bernilai bagi sesebuah bangsa dan negara bukan emas dan perak, mahupun hasil bumi yang melimpah ruah. Sebaliknya, yang paling berharga ialah masyarakat atau penduduk negara tersebut. Keutuhan, kejayaan dan kegemilangan sesebuah negara bergantung sepenuhnya kepada insan yang mencorakkan pemerintahan serta pentadbiran sesuatu negara. Di samping melaksanakan perancangan yang telah dirancang, pemerintah dan rakyat wajib memikul peranan dalam usaha meneruskan agenda memakmurkan negara.

Seorang pemerintah yang berwibawa akan mengemudi pentadbiran berlandaskan prinsip-prinsip universal yang bersifat melangkaui sempadan masa, tempat, jantina, bangsa dan usia serta prinsip-prinsip yang boleh diaplikasikan oleh seluruh manusia dalam sesebuah bangsa. Prinsip-prinsip agung yang menjadi pedoman para sahabat dan generasi awal Islam yang begitu progresif dalam memacu tamadun awal umat adalah pegangan tauhid yang jazam, akhlak yang indah serta budaya ilmu untuk membina peradaban. Mereka mendorong umat untuk mencapai kemajuan berlandaskan acuan ketuhanan yang ditentukan oleh Allah SWT melalui acuan al-Quran dan hadis.

Tiga prinsip tersebut melahirkan Madinah al-Munawwarah, sebuah kota cahaya yang menjadi simbol kegemilangan tamadun Islam. Kecemerlangan Madinah sebagai pusat pemerintahan Islam terus menjadi model rujukan sehingga hari ini. Ia menarik perhatian dunia kerana keunggulan peribadi dan karakter Rasulullah SAW sebagai pemimpin utama, serta kepelbagaian masyarakat Madinah yang majmuk namun hidup secara harmoni dan penuh toleransi.



Kepimpinan Rasulullah SAW dicirikan oleh diplomasi yang bijaksana, kasih sayang terhadap umat dan komitmen tinggi terhadap keadilan sosial. Ciri-ciri ini memungkinkan Baginda membina sebuah masyarakat yang kukuh, stabil dan penuh rahmat. Justeru, prinsip-prinsip ini juga sewajarnya dijadikan pegangan oleh bangsa Melayu hari ini.

Oleh itu, pengukuhan aqidah, pembinaan akhlak, keupayaan berfikir secara kritikal serta keupayaan mencerdaskan akal mesti dijadikan agenda utama dalam perjuangan membina semula jati diri bangsa Melayu. Usaha pengukuhan jati diri tidak lengkap melainkan pembinaan empat dimensi utama insan iaitu akal, roh, jasad dan emosi demi melahirkan manusia yang seimbang sebagai khalifah.

Tumpuan dan perhatian sewajarnya diberikan kepada golongan muda dan remaja iaitu generasi yang bakal menjadi pemimpin masa depan. Golongan ini perlu dididik serta dipupuk dengan semangat juang yang tinggi agar mereka mampu berusaha mencapai kejayaan dan kegemilangan seperti generasi awal Islam dahulu.

Kecerdasan fizikal, intelek, emosi, spiritual, sosial dan kewangan mestilah dibangunkan dan dimanfaatkan sepenuhnya. Bangsa Melayu yang sinonim dengan Islam harus disedarkan tentang kelebihan dan potensi besar yang mereka miliki. Bukankah begitu banyak kisah agung dalam sejarah Islam yang memperlihatkan kebangkitan tokoh-tokoh muda sebagai tonggak perubahan dan kemajuan umat?

Biar kita ambil beberapa contoh kisah para pemuda yang berani ke hadapan berjuang. Pertama, Mus'ab Ibn Umayr. Beliau adalah anak muda bangsawan dan terkenal dengan wajah yang kacak telah masuk Islam pada usia yang muda. Beliau juga menjadi duta dakwah Nabi Muhammad SAW di Madinah sebelum kedatangan Nabi. Beliau syahid dalam perang Uhud dalam keadaan terpotong tangan dan kaki kerana memegang panji Islam.

Selain itu, kisah Usamah ibn Zaid juga boleh memberi dorongan kepada anak muda kita. Beliau merupakan jeneral termuda dalam sejarah Islam. Beliau telah dilantik oleh Baginda SAW sebagai



ketua tentera Islam untuk bertempur dengan Rom ketika usianya baru 17 tahun. Seterusnya Sultan Muhammad Al-Fatih, penakluk Kota Konstantinopel pada usia 21 tahun. Begitu juga kisah Ashabul Kahfi, sekumpulan pemuda yang dengan berani menolak kezaliman raja dan mempertahankan keimanan mereka secara terbuka.

Demi mencapai semula keagungan generasi terdahulu, para remaja dan belia Melayu di negara ini mesti berpegang kepada matlamat hidup yang jelas, wawasan yang bersifat *rabbani* dan prinsip yang benar. Dalam erti kata lain, usaha membina kehebatan bangsa Melayu masa kini dan masa depan mesti bermula dengan menyelesaikan pelbagai permasalahan yang dihadapi mereka hari ini termasuklah keruntuhan akhlak, kedunguan logika yang melampau, kekeliruan dalam berdialektika, serta kelemahan dari segi kecerdasan emosi dan spiritual yang parah.

100 Pesan Tun

MEMBINA KELUARGA DAN BANGSA
Tun Dr. Mahathir Mohamad

Pohon Pemikiran dan Kepimpinan Rabbani.

Perumpamaan sebuah kalimat yang baik adalah seperti sebatang pohon yang gagah berdiri, akarnya menjunam jauh ke dalam bumi, menghasilkan pohon yang berdaunan rindang lagi meneduhkan musafir lalu memberikan buah-buah kedamaian kepada kemanusiaan. Begitulah juga pohon peradaban pemikiran dan kepimpinan manusia ini tidak akan mampu menjadi pohon kehidupan yang merendang yang memberikan kedamaian, kebahagiaan mahupun kesejahteraan andai tidak berakarkan tauhid yang jelas, tidak disirami dengan baja mahabbah dan kasih sayang dan tidak berakarkan tasawur rabbani. Pemimpin dahulu membina kebahagiaan rakyat dengan menghidupkan akar rabbani dan akal sehat manusia namun hari ini, kepimpinan lebih tega menggantikan akal dan pemikiran sehat dengan ilusi dan pencitraan di pentas kehidupan. Memagar dengan kukuh hutan kekuasaan yang menyesatkan manusia jauh dari roh rabbani dan tasawur ilahi. Masih tersisa waktu dan peluang kepada manusia untuk menyelamatkan diri dari segala kehancuran ini dengan kembali menghirup nafas tauhid, menghembuskan nafas mahabbah dan kasih sayang dalam peradaban yang mengesakan Tuhan dan menjalani kehidupan menyusuri tasawur rabbani.

Pesan Negarawan Ulung Tun Dr. Mahathir ini mesti dijadikan sebagai wasiat dan pedoman mengembalikan bangsa yang tinggi peradaban dan tamadunnya, sistematik dan saintifik pemikirannya dan tersohor nilai kepimpinan rabbaninya sejak dahulu lagi.

ilhambooks

www.ilhambooks.com



MINDHEART
MASTERY

Negarawati 

TANAHAIR



9 789670 067353